



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN	
TARIKH	:	22/4/2021	MUKA SURAT : 19
JABATAN	:	JMG	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

# Batu kecubung bernilai tinggi ditemui di Jeli

## Penuntut UMK jumpa batuan ketika buat kerja lapangan

Oleh Hidayatirayu Razali  
bhnews@bh.com.my

**Jeli:** Ketulan batu kecubung atau nama saintifiknya amethyst yang bernilai tinggi ditemukan di kawasan perlombongan di sini.

La ditemui penuntut Fakulti Sains Bumi (FSB) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bersama 36 mahasiswa jurusan Geologi daripada universiti di Indonesia

menerusi Program Internatio-  
nal Geomapping Jeli (GJ) 2021.

Ketua Jabatan Geosains FSB, Dr Wani Sofia Udin dalam satu kenyataan semalam, berkata peserta turut menemui ketulan batuan kuarza dan penemuan dragfold iaitu kesan geologikal struktur pada batuan yang amat jarang ditemui.


"Turut ditemui batuan jenis 'pyrite' dan batu gunung berapi. Dengan penemuan ini, pelajar dapat mengkaji morfologi dan mengemas kini peta geologi kawasan Jeli melalui aktiviti pemetaan yang dilakukan.

"Kajian ini memberi hasil penting kepada mahasiswa khususnya untuk memberi pendidikan terhadap pemeetaan geologi serta mengaplikasikan dalam kerja lapangan," katanya.

Beliau berkata, penuntut diberi tugasan berkaitan subjek asas pemeetaan untuk dipelajari dan hasil daripada ekspedisi kajian mengenai batuan itu mereka berjaya menemui beberapa mineral yang terbaru dan sukar ditemui.

Katanya, seramai 48 penuntut Geosains UMK dan 36 mahasiswa jurusan Geologi dari universiti di Indonesia mengikuti program GJ.

"Program anjuran Jabatan Geosains, FSB dengan kerjasama Pusat Antarabangsa UMK ini menerima penyertaan daripada Institut Teknologi Bandung, Universiti Jambi, Universiti Tadulako, Universitas Padjadjaran, Universitas Hasanudin dan Universitas Gadjah Mada.



Penuntut UMK bersama 36 mahasiswa universiti di Indonesia menemui amethyst bernilai tinggi di kawasan perlombongan di Jeli. (Foto ihsan UMK)

"Peserta antarabangsa akan mengikuti kajian secara maya. Penuntut UMK akan buat panggilan video kepada mereka bagi menerangkan penemuan batuan hasil kajian pemeetaan di lapangan.

"Mereka akan ditempatkan di kawasan kajian sekitar Jeli, iaitu Bukit Jeli, Bukit Salor, Kampung Lawar, Kampung Sungai Rual, Lata Chenai, Sungai Pergau, Sungai Renyok dan Sungai Tadah," katanya.

Dalam perkembangan berkar-

tan, pemilik kedai emas di Kota Bharu ketika ditanya anggaran harga batu kecubung, mengakui mineral itu mempunyai nilai tersendiri walaupun tidak setinggi permata yang lain.

"Harga batu kecubung untuk saiz sebesar mata cincin antara RM500 hingga RM2,000. Jika batu berkenaan lebih besar, sudah tentu ia bernilai ribuan ringgit dan batu kecubung dari Jeli lebih berkualiti dan agak mahal," katanya yang hanya mahu dikenali sebagai Noor.